


CABARAN
MENGEKALKAN
TAKHTA



Walaupun berdepan cabaran ekonomi yang mendatang, syarikat perabot tersenarai yang beroperasi di Muar menunjukkan daya tahan yang luar biasa melalui pengurusan kos yang strategik, pengembangan pasaran serta peningkatan kecekapan operasi.

> **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG**
Muka 7

> **Pengumuman Khas**
Muka 8

MENGHALUSI PEMBUATAN: MAMPUKAH INDUSTRI PERABOT MALAYSIA KEKAL SEBAGAI PENERAJU?

Terletak di tebing Sungai Muar yang indah, Bandar Diraja yang bersejarah ini ibarat permata tersembunyi di negeri Johor, menggabungkan pesona dunia lama dengan kehebatan industri moden. Muar, yang juga digelar sebagai 'Bandar Perabot Malaysia', lebih daripada sekadar hab pembuatan. Ia juga sebuah bandar yang kaya dengan budaya, warisan dan semangat keusahawanan. Bangunan era kolonial disulami dengan seni jalanan yang menarik serta kepelbagaian kulineri yang terkenal, Muar menawarkan keseimbangan unik antara tradisi dengan kemodenan. Namun, di sebalik suasana



santai, bandar ini sebenarnya menjadi penggerak ekonomi yang memacu dominasi Malaysia dalam perdagangan perabot global. Bandar yang melahirkan generasi tukang perabot yang mahir dan usahawan berwawasan, Muar telah berkembang menjadi pusat industri yang menggabungkan ketukangan dengan inovasi. Dari kilang perabot yang sibuk hingga ke persisiran pantai yang memukau, Muar menjadi bukti ketahanan, kebolehsesuaian serta keinginan berterusan untuk mencapai kecemerlangan.

Muar memainkan peranan penting dalam industri perabot Malaysia yang bernilai RM11.73 bilion, menjadi pemacu utama pengeluaran dan eksport. Terkenal dengan kemahiran pertukangan yang tinggi, kecekapan pengilangan serta jangkauan pasaran global yang luas, bandar ini menyumbang hampir 60% daripada jumlah eksport perabot negara. Selama beberapa dekad, Muar telah berkembang daripada pusat pertukangan kayu tradisional kepada hab pembuatan berteknologi tinggi, membekalkan perabot premium kepada lebih 160 negara, termasuk pasaran utama seperti Amerika Syarikat (AS), Eropah, Jepun dan Australia. Transformasi ini dipacu oleh akses kepada bahan mentah yang mampan, sokongan kerajaan serta budaya kecemerlangan yang telah lama bertapak dalam industri pembuatan perabot.

Industri Perabot Malaysia: Pertumbuhan, Persaingan dan Kebinglasan

Industri perabot Malaysia telah menempuhi sejarah yang panjang dan berwarna-warni, berkembang daripada perniagaan pertukangan kayu berskala kecil kepada pengeksport global utama. Sektor ini memanfaatkan sumber semula jadi yang kaya dalam negara, terutamanya bekalan kayu getah yang mampan, menjadikannya destinasi pilihan untuk pengeluaran perabot kayu berkualiti tinggi. Selain itu, industri ini berjaya mengintegrasikan teknologi moden dengan automasi, memastikan pengeluar Malaysia kekal berdaya saing di peringkat global.

Industri perabot Malaysia berjaya membuktikan daya tahan dan keupayaan kebolehsesuaiannya walaupun menghadapi ketidaktentuan ekonomi baru-baru ini. Dari Januari hingga Ogos 2024, perdagangan perabot global Malaysia meningkat sebanyak 15.5%. Eksport perabot mencatatkan sejumlah RM8.34 bilion, dengan pertumbuhan 11.7% tahun ke tahun berbanding dengan 2023. Prestasi kukuh ini menunjukkan pemulihan industri, keupayaan untuk mengemudi perubahan dinamik pasaran, serta kebolehannya mengukuhkan daya saing di peringkat global.

Industri perabot yang berorientasikan eksport kekal menjadi kunci kejayaannya, dengan lebih 80% pengeluaran ditujukan kepada pasaran antarabangsa. Pengeluar Malaysia telah membina reputasi yang kukuh dalam penghasilan perabot berkualiti tinggi dengan harga yang kompetitif, meletakkan mereka dalam kalangan sepuluh pengeksport perabot teratas di dunia. Produk perabot Malaysia merangkumi pelbagai kategori, termasuk set bilik tidur, perabot dapur, kelengkapan pejabat dan rekaan modular yang disesuaikan untuk gaya hidup moden.

Namun, pengeluar Malaysia menghadapi persaingan yang semakin sengit daripada kuasa serantau seperti China dan Vietnam. China selaku pengeksport perabot terbesar dunia, mempunyai kelebihan dari segi skala ekonomi dan kecekapan kos yang membolehkan negara itu menawarkan produk pada harga yang sangat kompetitif. Sementara itu, Vietnam muncul sebagai pesaing dengan kos buruh yang lebih rendah serta strategi perdagangan yang agresif. Selain itu, kita juga perlu memberikan perhatian pada kemungkinan AS mengenakan tarif terhadap produk pengguna, yang berpotensi memberikan kesan kepada eksport Malaysia.

Walaupun berdepan cabaran, industri perabot Malaysia berjaya menonjol melalui inovasi produk, amalan pembuatan mampan serta kemahiran pertukangan yang unggul. Dengan penekanan terhadap proses pengeluaran yang mesra alam, pengeluar Malaysia turut memanfaatkan trend kelestarian, terutamanya dengan penggunaan kayu getah, suatu sumber yang boleh dibaharui dan mesra alam.

- ⊖ **Homeritz:** Pertumbuhan hasil dan keuntungan bersih yang kukuh disebabkan oleh peningkatan permintaan eksport.
- ⊖ **Lii Hen:** Peningkatan hasil yang kecil tetapi keuntungan bersih merosot dengan ketara akibat kerugian pertukaran mata wang asing dan susut nilai yang lebih tinggi.
- ⊖ **Poh Huat:** Permintaan tinggi dalam segmen perabot pejabat di AS mendorong pertumbuhan hasil dua digit. Keuntungan lebih tinggi sejajar dengan peningkatan hasil dan cukai yang lebih rendah.
- ⊖ **Sern Kou:** Hasil sedikit menurun tetapi keuntungan bersih meningkat kerana kos jualan lebih rendah.

Mengharungi Cabaran Pasaran

MSWG membuat pemantauan rapi terhadap empat syarikat perabot awam tersenarai (PLC) di Muar iaitu **Homeritz Corporation Berhad, Lii Hen Industries Berhad, Poh Huat Resources Holdings Berhad dan Sern Kou Resources Berhad**. Kesemua syarikat ini memainkan peranan penting dalam sektor eksport perabot Malaysia, menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara, pada masa yang sama turut mengharungi cabaran global yang dinamik.

Walaupun berdepan tekanan ekonomi seperti inflasi, turun naik mata wang serta perubahan tingkah laku pengguna, syarikat-syarikat ini menunjukkan ketahanan melalui pengurusan kos yang strategik, pengembangan pasaran dan peningkatan kecekapan operasi. Industri ini mengekalkan aliran pendapatan yang kukuh, disokong oleh permintaan eksport yang berterusan serta keupayaan untuk menembusi pelbagai pasaran antarabangsa.

Walaupun sesetengah PLC mengalami tekanan terhadap **margin keuntungan bersih** akibat peningkatan kos pembiayaan dan ketidaktentuan kadar pertukaran asing (seperti yang ditunjukkan dalam keputusan suku tahunan terkini), kebanyakan syarikat berjaya menstabilkan kedudukan kewangan mereka melalui pengurusan modal yang berhemat. Syarikat-syarikat ini terus mengutamakan **kecekapan modal kerja**, memastikan kecairan yang mencukupi untuk kestabilan operasi serta pelaburan berterusan dalam automasi dan kemampuan.

Prospek kewangan keseluruhan kekal **positif** apabila syarikat-syarikat ini memberikan tumpuan kepada strategi kepelbagaian, inovasi produk dan kecekapan operasi untuk mengekalkan keuntungan. Penggunaan teknologi canggih serta strategi pengurusan kos yang berkesan akan membantu mengurangkan risiko dan menyokong pertumbuhan dalam jangka panjang.

Meningkatkan Kecekapan Operasi

PLC ini semakin giat melabur dalam automasi, pemantauan digital dan kaedah pembuatan pintar bagi mengekalkan daya saing. Penggunaan robotik canggih, analisis berasaskan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) serta barisan pengeluaran automatik meningkatkan kecekapan, mengurangkan pembaziran bahan serta

- ⊕ **Homeritz:** Melabur RM12.4 juta dalam automasi bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran.
- ⊕ **Lii Hen:** Mengukuhkan pengurusan rantai bekalan melalui pemantauan digital dan proses pembuatan pintar.
- ⊕ **Poh Huat:** Menaik taraf kemudahan pengeluaran dengan mesin canggih bagi memastikan hasil yang konsisten.
- ⊕ **Sern Kou:** Pembinaan semula kilang pasca kebakaran merangkumi peningkatan tahap automasi bagi meningkatkan daya tahan operasi dan produktiviti.

memastikan konsistensi kualiti yang turut mengurangkan pergantungan pada tenaga kerja manusia.


Banyak syarikat turut memanfaatkan sistem Perancangan Sumber Perusahaan (*Enterprise Resource Planning*, ERP) untuk pengurusan inventori dan rantai bekalan secara masa nyata. Ini membolehkan proses pengeluaran dilakukan dengan lebih pantas dan menghasilkan ramalan permintaan yang lebih tepat. Selain itu, penggunaan pemodelan 3D dan prototaip digital membantu mempercepat pembangunan produk dengan membolehkan reka bentuk diperhalus secara maya sebelum pengeluaran sebenar, sekali gus mengurangkan kos dan masa untuk dipasarkan.

Bagi mengekalkan daya saing berbanding pengeluar perabot berkos rendah seperti di China dan Vietnam, pengeluar yang berpusat di Muar meningkatkan pelaburan dalam automasi dan pemantauan digital. Penggunaan robotik canggih, sistem pembuatan pintar dan analitik AI membantu mengurangkan pergantungan tenaga kerja, meningkatkan ketepatan serta memperkemas proses pengeluaran. Teknologi sistem automasi dalam pemotongan, pemasangan dan kemas memastikan kawalan kualiti yang lebih konsisten, membantu meminimumkan pembaziran bahan serta mengoptimumkan penggunaan sumber.

Komitmen terhadap Kelestarian dan ESG

Memandangkan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) semakin diberikan perhatian, pengeluar perabot di Muar mengintegrasikan kelestarian dalam strategi perniagaan mereka. Ini termasuklah penggunaan **bahan mesra alam, pengurangan jejak karbon serta penggunaan tenaga boleh dibaharui** bagi memastikan daya saing yang berjangka panjang di pasaran AS dan Eropah, yang mengguna pakai piawaian kelestarian ketat. Syarikat juga berusaha mendapatkan pensijilan hijau, mengoptimumkan proses pengeluaran bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan menggunakan bahan kitar semula dalam reka bentuk produk mereka.

Selain itu, banyak syarikat melaksanakan penyelesaian **tenaga solar serta amalan pembuatan cekap tenaga** bagi mengurangkan kos operasi dan memenuhi keperluan peraturan. Inisiatif pengurusan sisa, seperti penggunaan kayu daripada sumber lestari dan pelekat berpelepasan karbon rendah, turut diutamakan supaya sejajar dengan trend alam sekitar global. Usaha ini bukan sahaja memastikan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa tetapi juga memperkukuh kedudukan industri perabot Muar sebagai peneraju pengeluaran yang bertanggungjawab dan mampan.



Ⓛ **Lii Hen:** Pensijilan FSC, menghentikan penggunaan bahan kimia berbahaya dalam proses pengeluaran.

Ⓟ **Poh Huat:** Sumber kayu lestari yang diperakui PEFC, mengamalkan proses pembuatan dengan pelepasan karbon yang rendah.

Ⓢ **Sern Kou:** Mengguna pakai tenaga boleh dibaharui, dengan sasaran 40% elektrik boleh dibaharui menjelang 2030.

Prospek 2025: Peluang dan Peluasan Pasaran

Menjelang 2025, industri perabot Malaysia dijangka terus berkembang dengan beberapa faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ini. Antaranya, kekuatan dolar AS menjadikan perabot Malaysia lebih mampu milik bagi pembeli antarabangsa. Jika nilai ringgit terus lemah berbanding dolar AS, permintaan eksport dijangka meningkat, menjadikan produk Malaysia lebih kompetitif di peringkat global.

Selain itu, kebakaran hutan besar di Los Angeles telah melonjakkan permintaan yang tidak dijangka terhadap perabot rumah. Usaha pembinaan semula dijangka meningkatkan pembelian perabot secara besar-besaran di AS, memberikan manfaat kepada pengeluar Malaysia yang menawarkan penyelesaian perabot yang tahan lama pada harga yang berpatutan.

Di luar pasaran AS, Malaysia juga bersedia untuk mengembangkannya dalam pasaran baru muncul seperti India dan Asia Tenggara, yang menyaksikan peningkatan pendapatan boleh guna dan trend urbanisasi memacu pertumbuhan permintaan perabot. India khususnya sedang mengalami pertumbuhan yang pesat dalam sektor perabot rumah, membuka peluang baharu bagi pengeksport Malaysia.

Walaupun berdepan cabaran, industri perabot Malaysia kekal kukuh dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan. Muar terus menerajui eksport negara serta menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, reka bentuk dan kelestarian. Dengan kemajuan strategik, asas kewangan yang kukuh, serta pengembangan pasaran global, tahun 2025 dijangka menjadi tahun yang penuh optimisme dan pertumbuhan bagi pengeluar perabot Malaysia. Dengan penerapan teknologi moden dan kemampanan dalam kalangan pemain industri, sektor perabot Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan statusnya sebagai peneraju global dalam pengeluaran perabot yang inovatif dan berkualiti tinggi.

[TAMAT]

MSWG AGM/EGM WEEKLY WATCH

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.


Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
10.02.25 (Isnin) 09.30 pagi	United Plantations Berhad (EGM)	Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) ini diadakan bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus sehingga 208.13 juta saham baharu United Plantations (UP) berdasarkan nisbah satu saham bonus untuk setiap dua saham UP sedia ada yang dipegang pada tarikh kelayakan yang akan ditentukan dan diumumkan kemudian.
12.02.25 (Rabu) 11.00 pagi	JOE Holding Berhad (EGM)	JOE bercadang untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengurangan modal saham terbitannya sebanyak RM80.40 juta menurut Seksyen 117, Akta Syarikat 2016.
12.02.25 (Rabu) 02.30 petang	Vsolar Group Berhad (EGM)	Syarikat akan membentangkan satu resolusi khas untuk kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengurangan modal saham terbitan Vsolar sebanyak RM100.00 juta menurut Seksyen 117, Akta Syarikat 2016.
14.02.25 (Jumaat) 10.00 pagi	AME Elite Consortium Berhad (EGM)	AME berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi: <ul style="list-style-type: none">Cadangan Usahasama antara Central Gateway Development Sdn Bhd (CGDSB), sebuah anak syarikat 60% milik AME Industrial Park Sdn Bhd (AMEIP), yang seterusnya merupakan anak syarikat milik penuh AME, bersama-sama dengan AMEIP dan KLK Land Sdn Bhd (KLKL),

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>sebuah anak syarikat milik penuh Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLKB), untuk bersama-sama memperoleh dan membangunkan sebahagian daripada dua bidang tanah pertanian pegangan bebas yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan perindustrian di Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor, Negeri Selangor, dengan keluasan kira-kira 61.193 hektar.</p> <ul style="list-style-type: none"> Cadangan Pemerolehan tanah oleh CGDSB daripada KLKB dengan harga pembelian berjumlah RM230.54 juta yang akan dibayar sepenuhnya secara tunai. Cadangan Pemberian Bantuan Kewangan oleh AME dan anak syarikatnya, melalui AMEIP, kepada CGDSB.

Pengumuman Khas



13 MARCH 2025 | TUESDAY
8:30 AM - 4:00 PM
AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KL

1 DAY course

Registration Fee **RM1,800**


Early Bird (Before 14 February 2025) **RM1,600**

Group of 2 or more **RM1,600**

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.
Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code or click here

For more info, please contact:
Khalidah Khalil
+6017 630 0754
khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (220-001022382)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
No.30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
+603 2732 0010
www.mswg.org.my

Are You Ready for The National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements?

Programme Overview

In September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards (ISSB Standards) for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability and business resilience, aligning the nation's sustainability goals. In December 2024, Bursa Malaysia announced corresponding amendments to the Listing Requirements. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market PLCs, extending to others by 2027.

Part 1 | 8.30 am - 10.00 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly adopted sustainability reporting frameworks
- How the ISSB was formed and global adoption trends
- Adoption timelines for Malaysia – NSRF and Bursa Listing Requirements
- Design and applicability of the standards:
 - IFRS S1 – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information
 - IFRS S2 – Climate-related Disclosures
- Future developments in the pipeline

Part 2 | 10.30 am - 12.00 pm

IFRS S1 – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information

- Conceptual foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- How to shortlist financially material sustainability matters
- Sources of Guidance (SASB, GRI, ERS5)
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 3 | 1.00 pm - 2.30 pm

IFRS S2 – Climate-Related Disclosures


- TCFD 101 as a foundation for IFRS S2
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
- IFRS S2 - Core content
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets

Part 4 | 2.45 pm - 4.00 pm

Transitioning to an ISSB Report and other key considerations:

- Reliefs – Proportionality and scalability mechanisms
 - Without undue cost or effort
 - Consideration of skills, capabilities and resources
- What would an ISSB Report look like versus the current sustainability report formats
- Assurance of Sustainability Reports

Trainer's Profile
San Mei Kim



Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.